

27/08/1999

Kerajaan bersikap konservatif buat ramalan ekonomi

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan akan terus bersikap konservatif membabitkan ramalan pertumbuhan ekonominya bagi separuh kedua tahun ini, walaupun Malaysia secara rasmi semalam menamatkan kemelesetan ekonominya selepas mencatat pertumbuhan 4.1 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun percaya pertumbuhan suku kedua tahun ini dapat diteruskan sehingga akhir tahun, tetapi Kerajaan akan terus mengambil sikap berhati-hati.

"Saya fikir ia (pertumbuhan ini) akan kekal, tetapi kami akan terus mengambil sikap berhati-hati.

"Kerana itu kami masih meramal pertumbuhan hanya pada satu peratus sehingga sekarang, walaupun pertumbuhan pada separuh pertama tahun ini mencatat lebih daripada satu peratus.

"Kita berpegang pada ramalan yang konservatif. (kerana) Kerajaan ini memang pun konservatif. Kita tidak pernah membuat janji yang tidak boleh dikotakan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Perdana Siswazah Institut Teknologi Mara, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali.

Semalam, Bank Negara mengumumkan Malaysia mencatat pertumbuhan 4.1 peratus dalam tempoh April hingga Jun lalu iaitu pertumbuhan pertama dicatat negara selepas mengalami penguncupan sejak awal 1998.

Perdana Menteri turut mengulangi kenyataan, bahawa beliau tidak akan tahu apa yang bakal berlaku apabila tempoh moratorium terhadap penghantaran pulang keuntungan oleh pelabur asing berakhir pada 1 September ini.

Beliau juga berkata, Kerajaan akan terus mengekalkan kawalan ke atas mata wang Ringgit Malaysia.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai bila tarikh terbaik untuk membubarkan Parlimen bagi mengadakan pilihan raya, Dr Mahathir berkata sekarang adalah masa terbaik untuk mengadakan pilihan raya.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak mahu menghabiskan duit rakyat dengan mengadakan pilihan raya apabila ia masih tidak perlu diadakan lagi.

"Kita ada penggal selama lima tahun, (jadi) apa guna kita hendak habiskan terlalu awal. Baik kita guna sepenuh faedahnya," katanya.

Tetapi pada masa yang sama, beliau turut enggan menolak ramalan ramai bahawa kemungkinan pilihan raya diadakan dalam tempoh terdekat.

Mengenai dakwaan Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional, Chandra Muzaffar, bahawa parti alternatif sudah mengeluarkan manifesto terbaik yang pernah dikeluarkan pembangkang.

Perdana Menteri berkata kenyataan berkenaan adalah gimik biasa bagi seorang amator.

"Dia dah berapa lama buat parti, (usia) Keadilan sudah 51 tahun ke... baru kali ini sahajalah (dia membuat manifesto).

"Ini adalah percubaan mereka yang pertama, ia macam amator jugalah," katanya.

(END)